

PM sedih, terkesan isu salah guna kuasa kastam di KLIA

BERITA HARIAN 02 APR 2024

mk: 3

Tindakan tidak bertanggungjawab
sebabkan
negara kerugian
berbilion ringgit

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim melahirkan rasa sedih dan terkesan berhubung isu rasuah dan salah guna kuasa terbaharu membabitkan penjawat awam di bahagian kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang sehingga negara menanggung kerugian hampir RM2 bilion.

Perdana Menteri berkata, biarpun masalah rasuah itu membabitkan jabatan kecil di bawah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), ia membabitkan nilai yang besar.

"Sehingga kini dengan mendapatkan maklumat daripada badan penguat kuasa termasuk SPRM (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia), pimpinan dan pimpinan kanan penjawat awam, masih terhindar daripada masalah rasuah dan salah guna kuasa.

"Tetapi masih berlaku kecurangan yang bagi saya sangat mengesankan dan menyedihkan, termasuk berita baharu dari kastam," katanya pada Majlis Per-

Penguat kuasa khianat di KLIA, negara rugi RM2b



Keratan akhbar BH Sabtu lalu.

himpunan Bulanana Bersama Warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini, semalam.

Jumaat lalu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki mendedahkan, jumlah ketirisan akibat kegiatan sindiket penyeludupan membabitkan beberapa anggota kastam di Kargo KLIA mencecah RM2 bilion bagi tempoh tiga tahun lalu.

Katanya, setakat ini 34 anggota penguat kuasa dan 27 individu serta pemilik syarikat ditahan menerusi Ops Samba 2.0 kerana melindungi dan memudahkan aktiviti penyeludupan sindiket itu.

Anggota dan pegawai penguat kuasa berusia 30 hingga 50 ditahan dipercayai menerima lebih RM4.7 juta daripada sindiket bagi memudahkan kegiatan penyeludupan tembakau kunyah, rokok, arak, produk kesihatan dan alat ganti kenderaan.

Tindakan rugikan negara

Mengulas lanjut, Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, ada pihak masih meremehkan isu rasuah, namun terlupa bahawa tindakan itu boleh menye-

babkan kerugian besar kepada negara.

"Bayangkan jika ini berlaku dengan ketirisan minyak diesel, minyak makan (masak) diambil kalangan tertentu, jika kita kumpul semua, kita boleh selamatkan puluhan bilion ringgit," katanya.

Dalam pada itu, Anwar berkata, langkah reformasi awal dilaksanakan kerajaan membuah hasil bukan sahaja dari sudut peningkatan pelaburan, malah Malaysia menerima pengiktirafan dari negara luar mengenai kesungguhan kerajaan, penjawat awam dan sektor awam melaksanakan program perubahan.

Langkah itu termasuk penguatbalan Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal (FRA) 2023 yang menjadikan kerajaan lebih berdisiplin dalam fiskal dan ekonomi negara diurus dengan lebih baik.

"FRA itu bermakna Menteri Kewangan mengambil keputusan menyerahkan sebahagian tugasnya supaya dipantau secara langsung oleh Parlimen, dia tidak terlepas seperti biasa. Itu sebab saya lakukan, kerana ini juga bantu menambah keyakinan kepada masyarakat, pelabur domestik dan luar negara," katanya.

Beliau juga berkata, negara tidak dapat diselamatkan daripada hutang yang tinggi sekiranya tidak diperbetulkan pengurusan kewangan, defisit tidak dikurangkan dan pengurusan belanjawan tidak dilakukan secara lebih berhemah.